

engage360

e-newsletter UCTC UPM



Bismillahirrahmanirrahim,
Segala puji dan syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, penerbitan e-newsletter Engage 360 Bilangan 1/2026 berjaya dihasilkan untuk berkongsi maklumat dan aktiviti Pusat Transformasi Komuniti Universiti (UCTC) Universiti Putra Malaysia kepada seluruh warga komuniti dan rakan strategik.

Tahun 2025 yang lalu telah banyak menghasilkan kejayaan dalam pembangunan dan kesejahteraan komuniti UCTC UPM melalui projek – projek pengembangan yang dilaksanakan di seluruh Malaysia. Pencapaian ini membuktikan komitmen UCTC UPM untuk terus melestarikan usaha pemindahan ilmu kepada komuniti sebagai salah satu peranan utama UPM dengan sokongan Pusat Tanggungjawab lain.

Adalah menjadi harapan kami bagi tahun 2026 ini dapat untuk terus berdedikasi dan bersemangat untuk memajukan komuniti setempat serta dapat menjadi contoh dan rujukan kepada mana – mana pihak dalam aktiviti pembangunan komuniti.

Akhir kata, setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih diucapkan kepada semua pihak yang telah menyumbang idea, penulisan dan kerjasama dalam menjayakan penerbitan ini. Semoga e-buletin ini menjadi wadah untuk disebar luas untuk menghubungkan kepakaran UPM dengan keperluan komuniti serta memperkukuh usaha kita ke arah kesejahteraan bersama.

Sekian, terima kasih.



Prof. Dr. Norsida Man

ALUAN TIMBALAN PENGARAH BAHAGIAN PENGEMBANGAN PERTANIAN (BPP)

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera.

Syukur alhamdulillah atas usaha semua pihak yang menjayakan pelaksanaan projek pengembangan universiti sepanjang sesi 2025 yang lalu dengan penuh kesungguhan sehingga menunjukkan kejayaan.

Melalui UCTC UPM, kami akan terus komited untuk membangunkan komuniti melalui perkongsian kepakaran dan pemindahan ilmu berterusan dalam aspek pembangunan komuniti serta bidang tumpuan yang diperlukan.

Pihak kami juga berharap agar akan ada lebih banyak kerjasama dan penyumbang dana daripada rakan strategik setempat untuk bersama – sama kami dalam merealisasikan agenda pengembangan universiti ini. Kami juga mengalu – alukan kerjasama baharu termasuk juga di peringkat antarabangsa untuk diterokasi bersama. Semoga Allah SWT merahmati usaha kita dan dapat memberikan impak yang positif kepada penerima manfaat di luar.

Sekian, terima kasih.

PRAKATA PENGARAH



Prof. Madya Dr. Khairulmazmi Ahmad

01

JILID 3 2026



Prof. Madya Dr. Jasronita Jasni

ALUAN TIMBALAN PENGARAH BAHAGIAN PENGEMBANGAN KOMUNITI (BPK)

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera.





Alhamdulillah setinggi – tinggi syukur ke hadrat Allah SWT kerana e-newsletter UCTC UPM iaitu Engage 360 Bilangan 1/2026 dapat diterbitkan untuk menzahirkan usaha dan komitmen UCTC dalam merealisasikan agenda pemindahan ilmu dan kepakaran UPM kepada komuniti.

Kejayaan yang telah dicapai pada tahun 2025 dengan melalui pelbagai cabaran dana, komitmen dan kerjasama dalam pelaksanaan projek komuniti dapat diharungi bersama sehingga membuahkan hasil melalui pencapaian projek komuniti yang berimpak tinggi.

Diharapkan agar tahun 2026 akan memberikan sinar dan kejayaan baharu kepada UPM dan UCTC UPM khususnya untuk terus menyumbang kepada kesejahteraan dan kemakmuran komuniti tumpuan melalui projek – projek yang dirancang. Terima kasih juga diucapkan kepada PTJ UPM dan rakan strategik yang telah bersama kami sepanjang 2025 yang lalu.

Semoga melalui penerbitan ini menjadi bukti dan menunjukkan komitmen UCTC UPM dalam memperkasa komuniti dengan memasyarakatkan universiti melalui sumber ilmu dan kepakaran UPM.

Sekian, terima kasih.

-  Prakata Pengarah
-  Inovasi & Teknologi untuk Masyarakat
-  Sorotan Aktiviti Terkini
-  Agenda akan Datang

CENDAWAN TIRAM KELABU SEBAGAI PEMANGKIN INISIATIF UPM PERKASA KOMUNITI DAN KELESTARIAN



Pelaksanaan kedua-dua aktiviti ini berjaya meningkatkan pengetahuan dan kemahiran komuniti dalam bidang pertanian, disamping memupuk kesedaran terhadap keterjaminan makanan dan kelestarian alam sekitar. Selain membantu menjimatkan kos isi rumah, inisiatif ini turut membuka peluang kepada komuniti untuk menjana pendapatan melalui hasil pertanian dan produk sampingan berasaskan cendawan.



Pusat Transformasi Komuniti Universiti (UCTC) dengan kerjasama Pusat Pertanian Putra (PPP) telah berjaya melaksanakan program komuniti berimpak tinggi di Taman Harmonis Sentosa, Gombak. Program yang memfokuskan kepada penanaman cendawan tiram kelabu dan pengurusan sisa bongkah cendawan secara lestari dan bermanfaat kepada komuniti.

Kursus pertama Penanaman Cendawan Tiram Kelabu telah diadakan pada 16 Ogos 2025 di Balai Muhibbah, Taman Harmonis Sentosa. Kursus ini memberi pendedahan kepada komuniti mengenai teknik asas penanaman, penjagaan serta pengurusan cendawan dan pemasaran hasil yang disampaikan oleh Puan Zaliza binti Mahat dengan dibantu oleh Puan Faridah Abdullah. Kursus ini turut merangkumi lawatan ke rumah cendawan bagi memberi khidmat nasihat secara terus di lapangan. Seramai 26 peserta telah mengambil bahagian dan menunjukkan komitmen tinggi dalam kursus yang dianjurkan.

Sebagai kesinambungan program, Kursus Pembuatan Kompos Sisa Bongkah Cendawan Tiram Kelabu telah dilaksanakan pada 22 November 2025 dengan pemindahan ilmu oleh Encik Khairul Aslim Abdul Rauf dari Pusat Pertanian Putra.

Kursus ini memberi fokus kepada kaedah pengurusan bongkah cendawan terpakai melalui penghasilan kompos yang dapat dimanfaatkan oleh tanaman sebagai media tanaman dan membantu kesuburan tanah dan tanaman. Kursus ini telah disertai oleh 22 orang peserta telah memberikan pengalaman baharu melalui sesi praktikal menghasilkan kompos sebagai langkah mesra alam bagi mengurangkan sisa pertanian.

“Inisiatif ini turut membuka peluang kepada komuniti untuk menjana pendapatan melalui hasil pertanian dan produk sampingan berasaskan cendawan”

Secara keseluruhan, peserta menunjukkan tahap kepuasan yang tinggi dalam program ini dan membuktikan keberkesanan pendekatan bersepadu Universiti Putra Malaysia dalam memperkasa komuniti. Usaha ini bukan sahaja memberi manfaat langsung kepada komuniti setempat, malah meningkatkan keterlihatan universiti dalam pembangunan komuniti secara mampan dan berterusan.



KEBUN KOMUNITI NILAM DELIMA MEDIUM PENGAKTIFAN DAN KESEJAHTERAAN WARGA EMAS

Bermula tahun 2025, Kebun Komuniti Nilam Delima (KKND) telah ditubuhkan dan merupakan inisiatif penduduk Jalan Nilam dan Jalan Delima di Taman Perwira, Gombak yang ingin menjalankan aktiviti pertanian berkonsepkan kebun di lorong belakang rumah. Bukan sahaja menumpukan kepada kelestarian alam, malah turut mengekalkan warisan budaya melalui penerapan unsur-unsur tradisional dalam pembangunan kebunnya. Pendekatan ini menjadikan KKND unik kerana ia menggabungkan amalan moden dengan nilai-nilai lama yang kaya dengan kearifan tempatan.

Salah satu aspek utama ialah penggunaan kaedah pertanian tradisional. Penduduk di KKND mengamalkan teknik penanaman secara semula jadi tanpa penggunaan bahan kimia, sebaliknya menggunakan baja kompos, air tadahan hujan, dan kaedah tanaman campuran seperti yang diamalkan oleh generasi terdahulu. Teknik ini bukan sahaja mesra alam, tetapi juga membantu mengekalkan kesuburan tanah dalam jangka masa panjang.

Selain itu, reka bentuk kebun turut mencerminkan elemen tradisional. Susun atur tanaman diatur secara harmoni seperti konsep kebun kampung, di mana pelbagai jenis tanaman seperti ulam-ulaman, herba, dan pokok buah-buahan ditanam bersama. Terdapat juga binaan kecil seperti wakaf atau pondok rehat yang diperbuat daripada bahan semula jadi seperti buluh dan kayu, menyerlahkan suasana desa yang tenang dan nyaman.

Dari segi sosial dan budaya, KKND menghidupkan kembali amalan gotong-royong yang menjadi teras masyarakat tradisional. Aktiviti seperti menanam, menuai hasil, dan membersihkan kebun dilakukan secara bersama, sekali gus mengeratkan hubungan antara penduduk.

Penerapan unsur tradisional ini bukan sahaja memelihara identiti budaya, malah memberi nilai tambah kepada komuniti. Ia membuktikan bahawa kemajuan tidak semestinya menghapuskan tradisi, sebaliknya kedua-duanya boleh digabungkan untuk mewujudkan persekitaran yang lebih seimbang dan bermakna.



“Kemajuan tidak semestinya menghapuskan tradisi, sebaliknya kedua-duanya boleh digabungkan untuk mewujudkan persekitaran yang lebih seimbang dan bermakna”



Hasil daripada Pembangunan kebun komuniti KKND ini telah meraih Anugerah Kebun Komuniti Peringkat Majlis Perbandaran Selayang 2025 hasil kesepakatan dan kerjasama dalam pembangunan kebun ini.

Kesimpulannya, KKND berjaya menonjolkan keindahan dan keunikan warisan tradisional dalam konteks moden. Usaha ini bukan sahaja memperkaya pengalaman komuniti, malah memastikan nilai-nilai lama terus diwarisi dan dihargai oleh generasi akan datang.



PEMERKASAAN KOMUNITI TANI DI BANTUL, YOGYAKARTA, INDONESIA



Program perkongsian ilmu yang dilaksanakan pada 15 Februari 2026 di Bantul, Yogyakarta, Jawa Tengah, Indonesia merupakan salah satu inisiatif strategik Universiti Putra Malaysia (UPM) melalui UCTC dalam memperkukuh penglibatan antarabangsa berteraskan pemerksaan komuniti. Pelaksanaan program ini selari dengan aspirasi UPM untuk memindahkan kepakaran universiti kepada komuniti antarabangsa serta meningkatkan keterlihatan dan peranan UPM dalam projek komuniti di peringkat global.

Program ini melibatkan penyertaan seramai 30 orang komuniti daripada Kelompok Tani Perti Pertiwi dan Kelompok Tani Ngudi Makmur Samiran, Parangtritis, Kretek, Bantul, Daerah Istimewa Yogyakarta. Salah satu komponen utama program ialah sesi perkongsian ilmu berkaitan penambahbaikan pembungkusan dan pelabelan produk kerepek pisang yang dikendalikan oleh Prof. Dr. Norsida Man, Timbalan Pengarah UCTC (Bahagian Pengembangan Pertanian). Melalui penyampaian berasaskan teori dan amalan terbaik pasaran, program ini telah memberi impak peningkatan pengetahuan komuniti



terhadap aspek pemasaran, pensijilan dan daya saing produk tempatan, sekali gus membuka peluang kepada perluasan pasaran dan peningkatan nilai ekonomi produk komuniti.

Selain itu, komuniti yang sama turut mengikuti aktiviti perkongsian ilmu berkaitan penghasilan baja mol organik berasaskan kangkung dan pisang yang disampaikan oleh Puan Mahani Amat, Pegawai Pertanian Kanan, UCTC. Pendedahan secara menyeluruh merangkumi kaedah, proses dan aplikasi baja mol telah memberi impak langsung kepada peningkatan kemahiran teknikal komuniti dalam menghasilkan baja organik menggunakan sumber sedia ada. Penggunaan baja mol ini berpotensi untuk meningkatkan kesuburan tanah dan hasil tanaman, di samping membantu komuniti mengurangkan kos operasi pertanian melalui penghasilan input pertanian sendiri.

“Impak projek ini merangkumi peningkatan kapasiti komuniti dari aspek keusahawanan agro, amalan pertanian lestari dan pengurusan kos, serta pengukuhan jaringan kerjasama antarabangsa”

Pelaksanaan program ini turut memperlihatkan kejayaan kerjasama strategik antara UPM dan Universitas Muhammadiyah Yogyakarta (UMY) yang berperanan sebagai penghubung kepada komuniti setempat serta menyediakan sokongan dari segi logistik dan bahan mentah untuk aktiviti demonstrasi. Penglibatan lapan (8) orang pegawai UCTC dalam perancangan dan pelaksanaan program ini mencerminkan komitmen institusi terhadap pendekatan bersepadu dalam menjayakan agenda tanggungjawab sosial universiti di peringkat antarabangsa.

Secara keseluruhan, impak projek ini merangkumi peningkatan kapasiti komuniti dari aspek keusahawanan agro, amalan pertanian lestari dan pengurusan kos, serta pengukuhan jaringan kerjasama antarabangsa. Inisiatif ini bukan sahaja memberi manfaat langsung kepada komuniti sasaran, malah menyumbang kepada pengukuhan reputasi UPM sebagai institusi berteraskan komuniti dan kelestarian di persada antarabangsa.

MODEL PEMINDAHAN ILMU DAN PEMBANGUNAN KEBUN KOMUNITI BERIMPAK TINGGI DI PUTRA PERDANA

Program Pemerksaan Komuniti Taman Putra Perdana Menerusi Projek Kebun Komuniti Peringkat JPP Zon Putra Perdana bersama UPM telah bermula dari Februari 2024 hingga Disember 2025 di bawah pendanaan Menteri Besar Selangor Perbadanan berjumlah RM 14,000.00. Projek ini diselaraskan oleh Pusat Transformasi Komuniti Universiti (UCTC) dan diketuai oleh Dr. Juju Nakasha Jaafar daripada, Fakulti Pertanian UPM.

Komuniti JPP Zon Putra Perdana telah menjalankan projek kebun komuniti di 9 kebun secara kecil – kecilan dan tidak mendapat bimbingan secara formal dalam teknikal pertanian dan pembangunan kebun komuniti. Tumpuan UPM adalah membantu komuniti dari aspek pemindahan ilmu kepada komuniti melalui modul yang dirancang berdasarkan isu – penyelesaian masalah dan keperluan setempat. Pembangunan kawasan dan projek kebun komuniti JPP Putra Perdana direncana mengikut situasi semasa, potensi serta kekuatan komuniti dan bimbing oleh Ketua Projek daripada Fakulti Pertanian UPM.

“Tumpuan UPM adalah membantu komuniti dari aspek pemindahan ilmu kepada komuniti melalui modul yang dirancang berdasarkan isu – penyelesaian masalah dan keperluan setempat”



Strategi pelaksanaan yang direncana adalah melalui bimbingan terus daripada ketua daripada Fakulti Pertanian UPM bagi kebun terpilih yang bertanggungjawab merangka strategi, modul pemindahan ilmu serta khidmat nasihat dan pemantauan berterusan di lapangan. Melalui program ini, Ketua Projek telah merencana dan melaksanakan modul dan pendekatan yang menyeluruh kepada kebun komuniti yang terlibat melalui penglibatan lebih daripada 15 orang pensyarah dan pegawai di Fakulti Pertanian dalam merealisasikan program ini dengan jayanya. Antara PTJ lain yang turut terlibat dalam program ini adalah Fakulti Sains dan Teknologi Makanan UPM yang melatih komuniti dalam Pembangunan produk berasaskan pertanian bandar.

Selain daripada itu, penglibatan mahasiswa UPM juga turut diketengahkan melalui aktiviti SULAM bagi tujuan meningkatkan interaksi pemindahan ilmu antara pelajar dan komuniti serta latihan dilapangan.



Antara kejayaan yang telah dicapai oleh komuniti dan UPM melalui projek ini pencapaian Kebun Komuniti Terbaik Peringkat Majlis Perbandaran Sepang (MPS) 2024, Anugerah Kebun Komuniti@Sepang MPS 2024, Anugerah Kebun komuniti Bumi Hijau MADANI, Anugerah Emas Pembelajaran Berasaskan Khidmat Malaysia – Universiti Untuk Masyarakat dan Anugerah Silver Inovasi Compost POD. Dari aspek pengurusan kebun, komuniti berjaya telah mencapai peningkatan amalan baik dalam pelaksanaan projek kebun komuniti, peningkatan hasil pendapatan komuniti melalui penjualan segar hasil ladang dan produk berasaskan pertanian bandar.

Selaras dengan hasrat universiti untuk mencapai projek berimpak tinggi, komuniti juga turut berupaya menjadi agen UPM yang melatih komuniti lain dalam teknikal pertanian dan penghasilan produk seperti kursus asas fertigasi, kursus penghasilan sambal hitam dan jus rosell serta kejayaan memperolehi Geran Pembangunan Produk dan Penjenamaan di bawah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan 2025. Melalui program ini juga membuka peluang ketua projek dan kebun komuniti mendapatkan sokongan geran – geran baharu seperti UniMADANI dan Sejati MADANI dalam meningkatkan pendapatan serta kesejahteraan komuniti setempat.



PROGRAM PEMBANGUNAN MODUL TANAMAN VANILA KEPADA KOMUNITI TEMERLOH



Program Pembangunan Modul Tanaman Vanila anjuran Pusat Transformasi Komuniti Universiti (UCTC), Universiti Putra Malaysia (UPM) merupakan satu inisiatif strategik dalam usaha memperkasa bakal usahawan vanila negara, sejajar dengan permintaan yang semakin meningkat terhadap vanila di pasaran tempatan dan global.

Program yang merangkumi tujuh modul komprehensif meliputi aspek pengurusan tanaman, pemprosesan produk, pembangunan nilai tambah, sehingga strategi pemasaran. Pembangunan modul ini diyakini mampu membuka ruang baharu dalam meneroka potensi besar industri vanila negara serta melahirkan usahawan yang berdaya saing dan berpengetahuan.

Bermula cetusan Profesor Ir. Dr. B.T. Hang Tuah Baharudin, mantan Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat) UPM, yang melihat industri vanila bukan sekadar tanaman komersial biasa, malah sebagai komoditi premium yang sentiasa mendapat permintaan dalam industri makanan, minuman, kosmetik dan wangian.

Dengan nilai pasaran yang tinggi mencecah ratusan ringgit sekilogram serta pengeluaran tempatan yang masih terhad, tanaman vanila dilihat sebagai peluang perniagaan baharu yang berpotensi besar untuk diterokai oleh usahawan tempatan, khususnya golongan belia dan komuniti luar bandar.

Seramai 10 orang peserta telah terpilih menyertai siri pertama program ini yang memberi fokus kepada penghasilan produk Homemade Vanilla Extract menerusi latihan inovatif bersama komuniti belia Kampung Bangau Parit, Temerloh. Modul latihan ini merangkumi aspek penuaian, pemprosesan produk serta teknik pemasaran hasil vanila.



Peserta telah didedahkan secara teori dan praktikal mengenai proses pascatuai vanila, teknik pengeringan, serta kaedah pengekstrakan vanila secara homemade bagi menghasilkan produk bernilai tambah yang berpotensi untuk dikomersialkan.

Kebanyakan peserta yang hadir menunjukkan minat mendalam serta mempunyai perancangan untuk mengembangkan perniagaan masing-masing melalui penghasilan produk berasaskan vanila.

“Industri vanila bukan sekadar tanaman komersial biasa, malah sebagai komoditi premium yang sentiasa mendapat permintaan dalam industri makanan, minuman, kosmetik dan wangian”



Bagi fasa seterusnya, program ini akan diperluaskan dengan pelaksanaan modul teknik penanaman vanila, dan penyertaan akan dibuka kepada mana-mana belia atau komuniti yang berminat untuk menceburi industri tanaman vanila secara lebih serius dan berstruktur.

Program ini diharap dapat menjadi pemangkin kepada pembangunan industri vanila tempatan serta menyumbang kepada agenda keterjaminan makanan dan pemeraksanaan ekonomi komuniti melalui pertanian bernilai tinggi.



PERKONGSIAN ILMU ANTARABANGSA BERSAMA KOMUNITI TANI DI MAGELANG, YOGYAKARTA, INDONESIA

Program perkongsian ilmu yang dilaksanakan di Magelang, Yogyakarta, Jawa Tengah, Indonesia merupakan salah satu inisiatif strategik Universiti Putra Malaysia (UPM) melalui UCTC dalam memperkukuh penglibatan antarabangsa berteraskan pemeraksanaan komuniti. Pelaksanaan program ini selari dengan aspirasi UPM untuk memindahkan kepakaran universiti kepada komuniti antarabangsa serta meningkatkan keterlihatan dan peranan UPM dalam projek komuniti di peringkat global.

Pada 16 Februari 2026, satu program perkongsian ilmu diperingkat antarabangsa telah dilaksanakan oleh 8 orang pegawai UCTC bersama komuniti Kelompok Tani Sumber Berkah, Kabupaten Magelang, Daerah Istimewa Yogyakarta. Program ini diketuai oleh Prof. Dr. Norsida Man, Timbalan Pengarah UCTC (Bahagian Pengembangan Pertanian). Obektif utama program ini adalah untuk menyalurkan kepakaran UPM kepada komuniti antarabangsa serta meningkatkan keterlihatan UPM dalam pelaksanaan projek komuniti di peringkat antarabangsa. Program ini melibatkan penyertaan aktif komuniti setempat dan dikendalikan oleh pegawai-pegawai daripada UCTC.

Seramai 20 orang ahli komuniti dalam kalangan petani pengusaha kopi dan pelbagai aktiviti pertanian telah mengikuti aktiviti perkongsian ilmu berkaitan penyediaan kompos kopi yang disampaikan oleh Puan Nafisah Awang, Pegawai Pertanian, UCTC. Kompos kopi dibuat kerana sumber sisa kopi didapati banyak di kawasan kampung ini yang majoriti penduduknya merupakan pengusaha kopi yang mengeksport kopi ke luar negara. Para peserta telah diberikan penerangan secara teori berhubung kaedah dan proses penghasilan kompos kopi sebelum menjalankan aktiviti praktikal secara bersama di lapangan. Melalui pendekatan ini, peserta dapat memahami dengan lebih jelas bagaimana cara menyediakan kompos kopi dengan kaedah yang mudah, cara penggunaan kompos kopi sebagai baja organik yang mampu meningkatkan kesuburan tanah, memperbaiki hasil tanaman, menjimatkan kos pembelian baja serta menggalakkan amalan kelestarian melalui penggunaan sisa kopi.



Pada hari yang sama, satu aktiviti khas turut diadakan melibatkan 18 orang kanak-kanak dalam kalangan komuniti petani, dengan fokus kepada "Kaedah Mencuci Tangan Dengan Betul". Sesi ini dikendalikan oleh Puan Mahani Amat, Pegawai Pertanian Kanan, UCTC dan dibantu dengan beberapa orang pegawai UCTC yang lain. Kanak-kanak diberikan pendedahan awal melalui penerangan ringkas untuk mencuci tangan dan kepentingan serta keperluan mencuci tangan sebelum bersama-sama menjalankan aktiviti praktikal bagi memupuk kefahaman dan amalan kebersihan diri sejak usia awal. Sabun yang digunakan dalam aktiviti ini merupakan sumbangan daripada Institut Biosains bagi menyokong pelaksanaan projek komuniti tersebut.

Keseluruhan program ini telah dijayakan dengan kerjasama Universitas Muhammadiyah Yogyakarta (UMY) yang bertindak sebagai penghubung kepada komuniti setempat serta membantu menyediakan bahan mentah bagi tujuan demonstrasi di lapangan. Secara keseluruhan, seramai lapan (8) orang pegawai UCTC turut terlibat secara langsung dalam merancang dan melaksanakan program, sekali gus memperkukuh hubungan kerjasama antara institusi dan komuniti di peringkat antarabangsa.



PROGRAM PERKONGSIAN ILMU PERTANIAN BANDAR BERSAMA KOMUNITI TAMAN TANJUNG API-API

Pusat Transformasi Komuniti Universiti telah melaksanakan beberapa sesi perkongsian ilmu bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran pertanian dalam kalangan penduduk Taman Tanjung Api-API, Jalan Kebun, Shah Alam. Antara topik yang dikongsi kepada komuniti Persatuan Penduduk Taman Tanjung Api-API ialah Asas Semaian, Teknik Campuran Tanah, Pengurusan Perosak dan Penyakit, serta Teknik Lepas Tuai. Kehadiran pihak universiti telah disambut baik oleh komuniti yang sangat berminat untuk mendalami ilmu pertanian.

Program kerjasama UCTC ini turut melibatkan Pusat Pertanian Putra, UPM dalam usaha memperkukuh pemindahan ilmu dan kepakaran kepada masyarakat. Seramai 10 orang peserta terlibat dalam perkongsian ilmu dan kemahiran yang dilaksanakan. Kebanyakan peserta telah lama mengusahakan aktiviti pertanian bandar di kawasan kediaman masing-masing, namun belum pernah menerima pendedahan formal berkaitan konsep, ilmu dan teknik penanaman yang betul serta berkesan.

“Walaupun teknik penanaman masih secara konvensional tetapi hasil yang diperolehi mencecah 20kg setiap kali tuaian untuk tanaman terung”

Melalui perkongsian ilmu yang dilaksanakan mereka mula menanam dengan kaedah yang betul dan memberi hasil yang lebih baik. Beberapa jenis tanaman yang telah membuahkan hasil antaranya bayam, sawi dan terung. Walaupun teknik penanaman masih secara konvensional tetapi hasil yang diperolehi mencecah 20kg setiap kali tuaian untuk tanaman terung. Hasil jualan dipasarkan sekitar kawasan dan mendapat permintaan tinggi.

Semoga ilmu yang dikongsi oleh pihak UPM ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya serta diamalkan secara berterusan oleh komuniti dalam memperkasa amalan pertanian bandar yang lebih lestari dan mengurangkan kos dapur komuniti.



PROJEK PERTANIAN KOMUNITI DI PKD BUKIT KAPAR: MEMPERKASA ILMU DAN KEMAHIRAN PENDUDUK

PKD Bukit Kapar telah melaksanakan satu projek pertanian komuniti yang bertujuan memperkasakan pengetahuan serta kemahiran peserta dalam bidang pertanian moden dan penghasilan produk hiliran. Projek ini memberi tumpuan kepada pendekatan praktikal melalui kursus dan latihan yang menyeluruh, khususnya dalam teknik penanaman secara fertigasi serta pemprosesan hasil pertanian.

Bagi mencapai matlamat tersebut, beberapa kursus telah dijalankan sepanjang program ini. Antara kursus yang ditawarkan ialah teknik pemindahan anak pokok dan pembajaan menggunakan baja AB dalam sistem fertigasi, yang penting untuk memastikan pertumbuhan tanaman yang optimum. Peserta juga didedahkan kepada kaedah kawalan serangga perosak dan penyakit tanaman menggunakan pendekatan organik dan kimia secara terkawal bagi menjamin kualiti hasil.

“Projek pertanian komuniti di PKD Bukit Kapar ini berjaya mencapai objektifnya dalam meningkatkan kemahiran, pengetahuan dan potensi ekonomi komuniti”

Selain itu, kursus produk hiliran berasaskan cili padi turut dilaksanakan bagi memberi nilai tambah kepada hasil pertanian. Dalam kursus ini, peserta telah dilatih menghasilkan sambal hijau dan cili jeruk sebagai produk berpotensi untuk dikomersialkan. Mereka juga didedahkan kepada teknik penting seperti pensterilan (sterilization) dan penggunaan kaedah retort bagi memastikan produk yang dihasilkan selamat, berkualiti dan tahan lebih lama.



Objektif utama pelaksanaan kursus ini adalah untuk memberi pengetahuan dan pendedahan kepada komuniti berkaitan teknik penghasilan produk hiliran secara sistematik, di samping membina keupayaan peserta dalam aspek keusahawanan.

Sepanjang tempoh program, projek ini telah berjaya menghasilkan tuaian cili padi sebanyak 500 kilogram melalui penggunaan sistem fertigasi. Pencapaian ini membuktikan keberkesanan teknik yang diaplikasikan serta komitmen peserta dalam mengurus tanaman secara konsisten dan berdisiplin.



Dari segi impak, projek ini telah meningkatkan kemahiran teknikal peserta dalam pengurusan tanaman moden, termasuk pengendalian sistem pengairan, pembajaan, serta kawalan perosak secara lebih efisien. Selain itu, peserta turut memperoleh pengetahuan dalam aspek pemprosesan makanan dan asas keusahawanan, sekali gus membuka peluang untuk menjana pendapatan tambahan.

Berdasarkan anggaran harga pasaran semasa sekitar RM12 hingga RM18 sekilogram, hasil tuaian sebanyak 500 kilogram cili padi ini berpotensi menjana pendapatan kasar di antara RM6,000 hingga RM9,000. Nilai ini berpotensi ditingkatkan sekiranya hasil tersebut diproses menjadi produk hiliran yang mempunyai nilai tambah yang lebih tinggi.

Secara keseluruhannya, projek pertanian komuniti di PKD Bukit Kapar ini berjaya mencapai objektifnya dalam meningkatkan kemahiran, pengetahuan dan potensi ekonomi komuniti. Program seperti ini wajar diteruskan dan diperluaskan bagi memastikan lebih ramai masyarakat mendapat manfaat serta mampu berdikari dalam sektor pertanian moden.



Sorotan Aktiviti Terkini

MEMANTAPKAN KOMPETENSI STAF MELALUI PENGURUSAN REKOD DAN LATIHAN TEKNIKAL

16 Januari 2026 – Pusat Transformasi Komuniti Universiti telah mengadakan Kursus Dokumen dan Rekod – Asas Tadbir Urus Berkualiti yang memfokuskan kepada staf UCTC UPM khususnya mengenai pengurusan rekod – rekod projek dengan cekap dan teratur. Kursus ini turut menekankan tentang kepentingan untuk menyediakan dokumen dan mengurusnya dengan baik agar mudah dicapai dan dapat memudahkan pencarian maklumat serta dokumen apabila diperlukan oleh PTJ atau rakan strategik.

Dalam kursus ini juga turut dikongsikan pengalaman mengikuti On The Job Training oleh staf UCTC yang telah menyelesaikan latihan teknikal di PTJ pilihan mengikut bidang teknikal dan kepakaran masing – masing. Melalui latihan seumpama ini dapat menambah pengalaman kerja dan kemahiran teknikal yang dapat dimanfaatkan dalam bidang tugas masing – masing serta meningkatkan kompetensi pegawai – pegawai yang terlibat.



INISIATIF PEMINDAHAN ILMU KE ARAH PENGUKUHAN PROJEK FERTIGASI KOMUNITI DI MUKIM ULU LEPAR

20 – 21 Januari 2026 – Pemindahan Ilmu UPM Siri 7 di bawah Program Pengembangan Pertanian Fertigasi Di Mukim Ulu Lepar, Pahang diadakan untuk melatih peserta dalam pembangunan kawasan bagi penanaman semula tanaman serta memberikan refleksi bagi penanaman baharu.

Program ini diadakan bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran pertanian kepada peserta asnaf yang terlibat agar dapat meningkatkan pendapatan tambahan melalui pelaksanaan projek fertigasi yang diusahakan.



Sorotan Aktiviti Terkini

JARINGAN KOLABORASI UPM DAN INSTITUSI PEMULIHAN DADAH JELEBU: MENEROKA KERJASAMA STRATEGIK KOMUNITI

22 Januari 2026 – Inisiatif jaringan kolaborasi dan lawatan tapak telah diadakan di Institusi Pemulihan Dadah Jelebu Negeri Sembilan yang diketuai oleh Prof. Madya Dr. Jasronita Jasni, Timbalan Pengarah Bahagian Pembangunan Komuniti (BPK), UCTC UPM.

Objektif kolaborasi ini adalah untuk membincangkan potensi jaringan kerjasama antara UPM dan Institusi Pemulihan Dadah Jelebu Negeri Sembilan di samping perkongsian mengenai peranan dan pelaksanaan program strategik komuniti dan rakan agensi yang dilaksanakan oleh UCTC UPM.

Turut hadir dalam jaringan kolaborasi ini adalah Encik Khairul Azmi Za'ba, Pegawai Pertanian BPK UCTC UPM dan Encik Lukman Alhakim Md Nor, Pegawai Eksekutif UCTC UPM.



UCTC UPM TEROKA POTENSI KERJASAMA DENGAN KOMUNITI LUAR BANDAR DI KUNAK, SABAH

26 Januari 2026 – Satu sesi libat urus telah diadakan ke Kunak, Sabah bagi meneroka potensi Kerjasama bersama komuniti setempat. Lawatan ini merangkumi mesyuarat kerjasama dan sesi Rapid Rural Appraisal (RRA) bersama Koperasi Pelancongan Kunak Berhad yang memberi fokus kepada mengenal pasti keperluan dan cabaran komuniti, penilaian potensi produk Pembangunan komuniti serta aktiviti pelancongan setempat serta perbincangan awal peluang dan inisiatif Kerjasama.

Selain itu, delegasi UCTC UPM turut mengadakan lawatan ke tapak projek pembangunan pertanian termasuk ternakan ayam penelur, Black Soldier Fly (BSF) sebagai usaha memahami potensi ekonomi komuniti dengan lebih dekat. Diharapkan agar lawatan ini menjadi pemangkin kepada Kerjasama strategik yang mampan sejajar dengan aspirasi pemerkasaan komuniti dan Pembangunan yang berimpak tinggi.



Sorotan Aktiviti Terkini

DARI SISA CENDAWAN KE EMAS HITAM: KURSUS KOMPOS CENDAWAN BERSAMA ATM

27 Januari 2026 – Aktiviti pemindahan ilmu daripada UPM berkaitan Kursus Kompos daripada sisa penanaman cendawan di bawah Projek keusahwanan Spice Garden disampaikan kepada pegawai Angkatan Tentera Malaysia (ATM) bertempat di Kem Angkatan Tentera Sungai Besi.

Kursus ini telah disampaikan oleh Encik Khairul Aslim Abdul Rauf, Penolong Pegawai Pertanian Pusat Pertanian Putra yang berkongsi pengetahuan dan amalan terbaik dalam penghasilan kompos daripada bongkah cendawan terpakai sebagai sokongan kepada aktiviti keusahwanan dan pertanian mampan.

Program ini turut dihadiri oleh Timbalan Pengarah Bahagian Pengembangan Pertanian UCTC UPM, YBhg. Prof. Dr. Norsida Man sebagai manifestasi komitmen UPM dalam usaha memperkukuhkan aktiviti pemindahan ilmu dan pemerksaan komuniti melalui aktiviti pertanian.



DARI UNIVERSITI KE KOMUNITI: UCTC UPM DI KARNIVAL TRUE NORTH PUTRA 2026

29 – 30 Januari 2026 – Pusat Transformasi Komuniti Universiti (UCTC) UPM telah terlibat secara aktif dalam pameran dan gerai jualan sempena Karnival True North Putra sempena Majlis Perutusan dan Aamnat Naib Canselor 2026 di UPM.

Pameran UCTC di bawah Kluster Keterjaminan Makanan yang bertemakan daripada Universiti kepada Komuniti telah mempamerkan teknologi hidroponik indoor, produk – produk hasil kebun komuniti dan aktiviti pertanian bandar serta jualan hasil produk komuniti. Antara Pusat Tanggungjawab lain yang terlibat di bawah kluster ini adalah Pusat Pertanian Putra, Institut Perhutanan Tropika dan Produk Hutan (INTROP) dan Institut Pertanian Tropika dan Sekuriti Makanan (ITAFoS).



Sorotan Aktiviti Terkini

PEMINDAHAN ILMU UPM KEBUN KOMUNITI BANGI AVENUE 3

3 Februari 2026 – Siri 1 sesi pemindahan ilmu di bawah projek Kebun Komuniti Bangi Avenue dimulakan dengan pengenalan kepada Asas Penanaman Roselle yang mudah, praktikal dan berpotensi untuk menjana pendapatan.

Sesi ini telah dikendalikan oleh Dr. Puteri Edaroyati Negat Wahab daripada Fakulti Pertanian dan Puan Mahani Amat @ Halimi yang berkongsi tentang teknik penanaman roselle sebelum meneruskan dengan modul – modul pemindahan ilmu lain yang diaturkan di bawah projek ini. Seramai 12 orang ahli kebun yang telah mengikuti sesi pemindahan ilmu ini.



LAWATAN TAPAK KEBUN KOMUNITI ANGKAT MBSJ BERSAMA UPM

5 Februari 2026 – Pusat Transformasi Komuniti Universiti (UCTC) UPM bersama Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) telah melaksanakan lawatan tapak ke 10 kebun komuniti terpilih yang akan menjadi kebun angkat UPM. Lawatan tapak ini penting bagi mengetahui keadaan kebun dan keperluan ilmu pertanian untuk membantu ahli kebun komuniti dalam membangunkan kebun komuniti yang berdaya maju.

MBSJ melalui Jabatan Pesuruhjaya Bangunan dan Jabatan Landskap komited dalam usaha membantu kebun – kebun komuniti di bawah kelolannya agar terus lestari dan berdaya upaya.



Sorotan Aktiviti Terkini

JARINGAN KOLABORASI BERSAMA MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM (MBSA)

5 Februari 2026 – Satu sesi perbincangan jaringan kolaborasi bersama Majlis Banraya Shah Alam (MBSA) telah diadakan di Wisma MBSA Shah Alam, Selangor. Jaringan kolaborasi ini diketuai oleh Prof. Madya Dr. Jasronita Jasni, Timbalan Pengarah Bahagian Pembangunan Komuniti UCTC UPM serta pegawai UCTC.

Objektif kunjungan hormat ini adalah untuk membincangkan potensi kerjasam anantara UPM dan MBSA yang boleh dilaksanakan di saping berkongsi mengenai program komuniti yang dilaksanakan oleh UCTC. Turut sama dalam Kerjasama ini adalah Dr. Nur Raihan binti Che Nawi daripada Fakulti Pengajian Pendidikan UPM yang berkongsi tentang program pembangunan dan kecemerlangan belia.



INISIATIF KOLABORASI STRATEGIK PROJEK MAMPAN BERASASKAN ALAM SEMULA JADI

6 Februari 2026 – Satu sesi lawatan dan perbincangan telah diadakan bersama Puan Nur Zairina Muzaini, Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Kuala Langat (MPKL) serta Dato' Lai Yeng Fock, Pengasas Tandom Hill Resorts yang terkenal dengan konsep perlancongan berasaskan buluh dan alam semula jadi bagi meneroka potensi kerjasama projek yang boleh dilaksanakan secara bersama.

Perbincangan ini memberi fokus kepada peluang kolaborasi strategik melibatkan Pembangunan komuniti, kelestarian alam sekitar serta inisiatif penggunaan produk berasaskan buluh seperti biochar dan cuka buluh yang berpotensi memberi manfaat kepada mesyarakat setempat.

Diharapkan agar jaringan Kerjasama ini dapat menjadi pemangkin kepada pelaksanaan projek – projek yang mampan dan berdaya maju pada masa akan datang.



Sorotan Aktiviti Terkini

PROGRAM PEMBANGUNAN KOMUNITI MADANI PULAU PANGKOR: KELESTARIAN ALAM SEKITAR MELALUI PROJEK KOMPOS UPM

8 Februari 2026 – Program Pembangunan Komuniti Madani Pulau Pangkor anjuran Jabatan Pendidikan Tinggi telah berjaya dilaksanakan pada 8 Februari 2026, dengan penglibatan aktif Universiti Putra Malaysia (UPM) menerusi pelaksanaan projek baja kompos bersama komuniti setempat.

Pelaksanaan program ini bertujuan untuk mendidik komuniti dengan meningkatkan pengetahuan dan kesedaran terhadap kepentingan pengurusan sisa organik secara berkesan dan lestari, selari dengan aspirasi pembangunan komuniti MADANI serta agenda kelestarian alam sekitar.

Sebagai sokongan kepada inisiatif ini, UPM telah menyumbangkan 10 buah drum kompos berputar (rotating composting drum) kepada komuniti Pulau Pangkor. Setiap drum berkapasiti 160 liter dan berupaya menghasilkan kira-kira 15–30 kg baja kompos dalam tempoh 2 hingga 3 bulan. Melalui penghasilan baja kompos ini, komuniti bukan sahaja dapat mengurangkan kos input pertanian dengan menggunakan baja kompos untuk tanaman sendiri, malah berpeluang menjana pendapatan tambahan melalui penjualan kompos pada anggaran sekitar RM4 sekilogram.

Untuk makluman, UPM telah mula mendidik dan membimbing komuniti Pulau Pangkor menghasilkan kompos sendiri sejak Julai 2025. Projek ini telah diketuai oleh Prof. Madya Dr. Jasronita Jasni, Timbalan Pengarah UCTC UPM. Hasil pemindahan ilmu dan bimbingan berterusan ini, komuniti telah mula merasai manfaat secara langsung, khususnya dari segi penjimatan kos pembelian baja serta penjaan pendapatan komuniti. Malah, komuniti turut memaklumkan bahawa permintaan terhadap baja kompos adalah tinggi, sehingga terdapat tempahan awal dibuat sementara menunggu kompos mencapai tahap matang.

Program ini diserikan dengan lawatan tapak projek baja kompos di Kampung Teluk Gedung, yang telah dirasmikan oleh Dato' Seri Diraja Dr. Zambry Abdul Kadir, Menteri Pendidikan Tinggi (KPT). Lawatan tersebut turut dihadiri oleh pengurusan tertinggi UPM, iaitu Prof. Ir. Dr. Abd Rahim Abu Talib, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UPM.

Diharapkan pelaksanaan program ini dapat memberi impak jangka panjang dalam memperkasa komuniti Pulau Pangkor melalui amalan pengurusan sisa yang mampan, peningkatan ekonomi komuniti serta pemeliharaan alam sekitar secara berterusan.



Sorotan Aktiviti Terkini

PEMANTAUAN PROJEK CENDAWAN TIRAM KELABU TAMAN HARMONIS SENTOSA, GOMBAK

9 Februari 2026 - University Community Transformation Centre - UCTC UPM telah melaksanakan pemantauan Projek Penanaman Cendawan Tiram Kelabu Persatuan Penduduk Taman Harmonis Sentosa, Gombak. Projek penanaman cendawan tiram kelabu telah mula dilaksanakan oleh komuniti bermula Julai 2025 dengan kapasiti 1000 bongkah dan pemindahan ilmu oleh UPM pada 16 Ogos 2025 bagi tajuk penanaman cendawan dan penghasilan kompos daripada bongkah cendawan terpakai pada 22 November 2025.

Komuniti telah berupaya melaksanakan fasa kedua penghasilan cendawan tiram kelabu dengan kapasiti 1500 bongkah dan pengeluaran cendawan pada pusingan kelima pengeluaran pada masa ini. Melalui pemerhatian semasa pemantauan, kompos hasilan bongkah cendawan terpakai telah matang dan sedia digunakan.

Pemantauan yang dilakukan menunjukkan komuniti telah berupaya menghasilkan pengeluaran cendawan tiram kelabu dan menghasilkan kompos daripada bongkah cendawan terpakai dan lain-lain bahan di sekitar dan mampu mengurangkan kos dan meningkatkan pendapatan komuniti.



ECOSPARK CQA: INOVASI PEMBUATAN SABUN DAN LILIN DARIPADA MINYAK TERPAKAI.

3 Februari 2026 - Jawatankuasa Kelestarian Hijau, Pusat Jaminan Kualiti (CQA) telah mengundang University Community Transformation Centre - UCTC UPM ke program EcoSpark CQA: Inovasi Pembuatan Sabun dan Lilin daripada Minyak Terpakai. Program ini bertujuan memberi pendedahan dan kemahiran kepada staf di CQA dalam mengitar semula minyak terpakai kepada produk yang lebih bermanfaat serta menyokong amalan kelestarian dalam persekitaran kerja.



Sorotan Aktiviti Terkini

PRESTASI EDU-PARK® UPM DIPERKUKUH MELALUI STRATEGI PROMOSI DAN PEMBANGUNAN PROGRAM BAHARU

eDU-PARK® UPM terus mempergiat usaha memperkukuh kedudukannya sebagai destinasi pelancongan pendidikan melalui pelaksanaan pelbagai inisiatif strategik bagi meningkatkan kehadiran pelawat dan penjana pendapatan. eDU-PARK® telah menerima sekumpulan 21 orang pelajar Blooming Homeschooler, Gombak dan 13 orang pelawat Kanazawa University. Namun, pergerakan pelancong pendidikan sedikit perlahan pada awal tahun memandangkan situasi kewangan yang ketat akibat jangkitan permulaan sesi persekolahan 2026, persediaan bulan Ramadhan dan Syawal pada tahun ini.

Seiring dengan itu, pelbagai inisiatif telah diambil bagi meningkatkan keterlihatan program antaranya termasuk penganjuran mesyuarat strategik bersama pembangunan konten media sosial dan sesi libat urus bersama sekolah, agensi luar dan rakan kolaborasi. Antara yang terlibat ialah pengengaruh media sosial dan penyampai radio Mat Dan bertujuan memperluas jaringan kerjasama serta menarik lebih ramai pengunjung ke eDU-PARK® UPM. Platform digital seperti media sosial serta penglibatan pengengaruh diharap dapat bertindak sebagai medium penting dalam menarik minat dari kalangan pelajar, guru dan keluarga.

Dalam usaha memperkukuh strategi pemasaran, eDU-PARK® turut merancang pelaksanaan pakej lawatan berstruktur yang merangkumi pilihan Basic, Standard dan Premium. Pendekatan ini dijangka dapat meningkatkan nilai pengalaman pelawat serta menyumbang kepada pertambahan hasil. Selain itu, segmen baharu seperti program keluarga hujung minggu dan pakej korporat turut diperkenalkan. Rangka kerja juga telah dibangunkan bersama rakan kolaborasi seperti Fakulti Pertanian dan Fakulti Sains untuk meperluas sasaran pasaran. Inisiatif ini diharap dapat menjadikan eDU-PARK® UPM sebagai pilihan utama bagi aktiviti pembelajaran luar bilik darjah serta program pembangunan komuniti.

Secara keseluruhannya, eDU-PARK® UPM berhasrat untuk berkembang sebagai hab pelancongan pendidikan yang berdaya saing. Dengan pelaksanaan strategi yang lebih tersusun dan berfokus, program ini diyakini mampu mencapai sasaran yang ditetapkan serta memberikan impak positif kepada universiti dan masyarakat.



Agenda akan Datang

PROGRAM PEMBANGUNAN KAPASITI DAN KESEJAHTERAAN SOSIAL DI DAERAH BAGAN DATUK, PERAK

SIRI 1

PENGHASILAN PRODUK BERASASKAN MINYAK KELAPA

LIP BALM, LOSYEN, LILIN WANGI, SABUN WANGI

18 APRIL 2026 (SABTU)

8:00 AM - 4:00 PM
PUSAT SEBARAN MAKLUMAT NASIONAL (NADI), KAMPUNG SIMPANG 4 RUNGKUP, BAGAN DATUK, PERAK

✓ PENYERTAAN PERCUMA ✓ SIJIL PENYERTAAN

Berilmu Berbakti

PENGURUSAN TANAMAN SAYURAN & RAGUN PEROSAK

PROGRAM PENGEMBANGAN PERTANIAN FERTIGASI DI MUKIM ULU LEPAR, PAHANG

2 - 3 April 2026
8.00 pagi - 5.00 petang

Kg. Paya Rambutan, Ulu Lepar

Berilmu Berbakti



AGROFUSION

INTEGRASI FERTIGASI MEJA & AKUAKULTUR PINTAR BERKUASA SOLAR

Modul:

Semaian dan Pengurusan Tanaman Sayuran
Encik Khairul Azmi bin Zaba
Pegawai Pertanian UCTC

Pengurusan Ternakan Ikan Air Tawar
Encik Ahmad Alfian Hidayat bin Ahmad Khalili
Pegawai Pertanian Pusat Pertanian Putra

Berilmu Berbakti

Program Pemindahan Ilmu Penghasilan Kompos



Bengkel Praktikal Penghasilan Kompos Komuniti

Belajar teknik menukar sisa organik kepada baja berkualiti secara langsung.

Bertemakan GREASE (Green Renewable Energy)

Memperkasa usaha tenaga boleh baharu hijau dan kelestarian setempat.

Jumaat, 10 April 2026, Nilai Spring

4:00 - 6:00

Program bermula jam 4.00 hingga 6.00 petang.

Anjuran UCTC UPM Bersama Komuniti

Kerjasama profesional untuk memperkasa komuniti melalui kelestarian.

Pemindahan Ilmu

PROGRAM PEMERKASAAN KOMUNITI DI RSK CENDANA : PROJEK WAQAF TANI KOMUNITI UPM-WAQAF AN NUR

Tarikh: 12 April 2026 | **Ahad**

Tempat: Waqaf Tani, Waqaf An Nur, Taman Cendana Posir, Gudang, Johor

Topik:

- Pengenalan Baja
- Penyediaan dan Pengurusan Pati Baja AB untuk Tanaman Fertigasi

SIDANG REDAKSI

Penasihat:

Prof. Madya Dr. Jasronita Jasni

Ketua Editor:

Puan Ainul Mardhiyyah Mohamed Ghazali

Ahli Jawatankuasa Editorial:

Puan Mahani Amat@Halimi
Puan Hairunnisak Jalil
Puan Hairunnisak Jalil
Puan Norhidayah Mad Halid
Puan Faridah Abdullah
Encik Luqman AlHakim Md Nor
Encik Muhsin Azmi
Encik Muhammad Hazzizq Mohd Hamdan

Reka Letak & Grafik:

Puan Ainul Mardhiyyah Mohamed Ghazali



DITERBITKAN OLEH:



☎ 03-97691805 / 1802

🌐 <http://www.uctc.upm.edu.my/>

✉ uctc_all@upm.edu.my



Pertanian • Inovasi • Kehidupan
Berilmu Berbakti

upm.edu.my